



## Rentas Kampus RTM Beri Kesan Positif Pada Mahasiswa



*Datuk Seri Dr. Rais Yatim menyampaikan ucapan beliau semasa perasmian Program Rentas Kampus RTM*

**SERDANG, 19 Oktober** - Pelaksanaan Program Rentas Kampus RTM memberikan impak positif kepada para mahasiswa institusi pengajian tinggi di Malaysia kata Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Katanya ini adalah platform dan ruang kepada pelajar untuk mengetengahkan bakat dan kreativiti masing-masing menerusi pembabitian mereka secara langsung dalam aktiviti yang dijalankan oleh RTM.

"Program ini bertujuan mengeratkan hubungan dua hala antara RTM dengan IPTA serta memupuk jalinan mesra antara pemimpin dan penuntut di institusi pengajian tinggi."

"Ini merupakan langkah yang amat strategik untuk memastikan pembangunan negara pada masa hadapan memenuhi keperluan semua golongan dan lapisan masyarakat," katanya pada majlis Program Rentas Kampus di sini baru-baru ini.

Beliau berkata program itu merupakan alternatif terbaik untuk memupuk dan menyemai semangat perpaduan dan integrasi nasional sejajar dengan konsep 1Malaysia untuk membangkitkan perasaan cintakan negara dalam kalangan mahasiswa tanpa mengira kaum dan agama.

Program tersebut dijalankan secara bersepadu dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi membabitkan agensi di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) seperti Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Filem Negara, Finas, BERNAMA, Muzium Negara, ASWARA, Balai Seni Lukis Negara dan POS Malaysia.

Melalui program tersebut, semua universiti akan mendapat pendekatan awal iaitu dengan pemilihan satu kampus untuk mengumpulkan wakil-wakil pelajar daripada Institut Pengajian Tinggi Awam berhampiran mengikut Zon Tengah A iaitu Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Pengisian aktiviti adalah bagi mendedahkan pelajar dengan sebanyak mungkin maklumat mengenai kenegaraan, komunikasi, penyiaran, seni dan budaya melalui aktiviti serta pameran oleh jabatan-jabatan di bawah KPKK.

Pada tahun 2010, program itu akan diadakan di Zon Tengah B melibatkan Universiti Malaya, Universiti Teknologi Mara, Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Perguruan Sultan Idris; Zon Selatan melibatkan Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn dan Universiti Teknologi Melaka; Zon Utara melibatkan Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis; Zon Timur melibatkan Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Darul Iman dan Universiti Malaysia Kelantan manakala Zon Malaysia Timur melibatkan Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak.

Turut hadir, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran (RTM), Datuk Ibrahim Yahaya, Naib Canselor UPM, Prof.

Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.



*Datuk Seri Dr Rais Yatim (kiri) bersama Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin(kanan) berkunjung ke pameran yang ada di Dewan Banquet UPM.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.**